

**CIRI-CIRI PERSONALITI DALAM PEMILIHAN KERJAYA
PELAJAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK. SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH
AGAMA RAKYAT (SMAR) PERAK**

HARTINI BINTI MD ARIFF

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA KAUNSELING**

**PUSAT PENGAJIAN DAN PERKHIDMATAN
KAUNSELING DAN PSIKOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH**

2014

PENGHARGAAN

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.
Segala pujian hanya kepadaNya dan selawat dan salam kepada junjungan RasulNya s.a.w**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, maka Kertas Projek ini dapat juga dihasilkan.

Saya amat terhutang budi atas keprihatinan Yang Berbahagia Tuan Haji Abu Bakar B. Abdullah selaku penyelia akademik yang terlalu banyak memberi sumbangan dan bantuan kepada saya yang sehingga dapat menyiapkan Kertas Projek ini. Segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang tidak ternilai ini hanya Allah sahaja yang akan dapat membalasnya.

Terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Emeritus Dato' Dr Amir bin Awang, Profesor Dr Shuaib bin Che Din dan Profesor Emeritus Dato' Dr Halim B. Othman yang banyak memberi sokongan dan dorongan dari segi mental dan fizikal sehingga saya berjaya menyiapkan Kertas Projek ini. Dedikasi daripada para pensyarah sekalian tidak akan saya lupakan. Doa saya semoga Allah dapat memberi ganjaran dari segi kesihatan agar sumbangan yang lebih besar dapat diberikan kepada penuntut yang lain agar Kaunseling berperspektif Islam ini dapat dikembangkan. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang senantiasa memberi sokongan dan semangat di sepanjang saya mengikuti program Sarjana kaunseling ini. Moga perjuangan kita tidak terhenti di sini sahaja malah meneruskan serta mengamalkan apa yang telah diajar oleh pensyarah kita.

Kepada suami tersayang Muhammad Salleh B. Abdul Hamid, terima kasih dengan segala pengorbanan dan sokongan moral yang di beri tidak kiralah dari segi masa serta wang ringgit. Walaupun sedang sarat mengandung dan sehingga menyambut kedatangan orang baru ketika menyiapkan Kertas Projek ini, namun tiada keluhan yang didengari kerana semata-mata ingin melihat saya berjaya. Moga kesungguhan dan kesabaran ini dapat diwarisi oleh anak kita Muhammad Amin Al- Hafiz B. Muhammad Salleh dalam mencari ilmu walau di mana sahaja asalkan memberi manfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat. Akhir kalam, segala ilmu yang diperolehi ini dapat di sematkan dalam hati serta digunakan sebaiknya untuk masyarakat di luar sana.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah melihat ciri-ciri personaliti dalam proses pemilihan kerjaya pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Satu kajian kes di Sekolah Menengah Agama Rakyat di Perak. Kajian dijalankan ke atas 84 orang pelajar yang merangkumi 28 orang pelajar dari Sekolah Menengah Agama Al-Hidayah, 30 orang pelajar dari Sekolah Menengah Agama Al-Islah dan 26 orang pelajar dari Sekolah Menengah Agama Al-Yusufiah telah dipilih sebagai responden dan sampel kajian. Semua pelajar yang dipilih adalah pelajar tingkatan empat. Bagi menjalankan kajian ini pengkaji telah menggunakan soal selidik Inventori Minat Kerjaya iaitu Pentaksiran Psikometrik dari komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah sebagai alat untuk mengukur kajian tersebut. Dalam Inventori Minat Kerjaya terdapat 120 item. Bagi membuat pengiraan dapatan, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan piawai, untuk menunjukkan latar belakang responden kajian, ciri-ciri personaliti dan tahap pencapaian akademik. Selain itu ujian ANOVA dan ujian Korelasi Pearson turut digunakan. Hasil kajian mendapati terdapat ciri-ciri personaliti sosial bagi semua responden. Di samping itu, terdapat perbezaan yang signifikan bagi personaliti realistik dan artistik ke atas jantina manakala sekolah, personaliti realistik dan sosial. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian akademik ke atas sekolah dan jantina tiada perbezaan signifikan. Selain itu, tidak terdapat hubungan signifikan bagi personaliti sosial dengan artistik ke atas pelajar lelaki manakala personaliti konvensional dengan artistik ke atas pelajar perempuan. Terdapat hubungan signifikan di antara tahap pencapaian akademik dengan pelajar tetapi kesannya adalah sedikit. Akhir sekali, terdapat hubungan di antara ciri-ciri personaliti dan tahap pencapaian akademik dengan pelajar iaitu realistik dengan artistik.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
	NOTIS PENYERAHAN KERTAS PROJEK	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
	SENARAI RINGKASAN	xiii
1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis Kajian	11
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.8 Batasan Kajian	12
	1.9 Definisi Konsep dan Operasi	13
	1.9.1 Personaliti	13
	1.9.2 Pemilihan Kerjaya	16
	1.9.3 Pencapaian Akademik	16
	1.10 Rumusan	17
2	SOROTAN KAJIAN	18
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Pendekatan Teori	18
	2.3 Kajian Dalam Negara	21

2.4	Kajian Luar Negara	22
2.5	Rumusan	23
3	METODOLOGI KAJIAN	24
3.1	Pengenalan	24
3.2	Rekabentuk Kajian	24
3.3	Tempat Kajian	25
3.4	Populasi Kajian	25
3.5	Persampelan	25
3.6	Instrumen Kajian	26
	3.6.1 Bahagian A: Maklumat Diri Responden	26
	3.6.2 Bahagian B: Inventori Minat Kerjaya	26
3.7	Analisis Data	26
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	27
3.9	Rumusan	28
4	DAPATAN KAJIAN	29
4.1	Pengenalan	29
4.2	Latar Diri Reponden	29
	4.2.1 Jantina	29
	4.2.2 Sekolah	30
	4.2.3 Tahap Pencapaian Akademik	31
4.3	Inventori Minat Kerjaya	31
	4.3.1 Pelajar	31
	4.3.2 Jantina	32
	4.3.3 Sekolah	33
4.4	Analisis Data Pengujian Hipotesis	34
	4.4.1 Perbezaan ciri-ciri personaliti ke atas jantina	34
	4.4.2 Perbezaan tahap pencapaian akademik ke atas jantina	34

4.4.3	Perbezaan ciri-ciri personaliti pelajar ke atas sekolah	35
4.4.4	Perbezaan tahap pencapaian akademik pelajar ke atas sekolah	36
4.4.5	Hubungan ciri-ciri personaliti dengan pelajar lelaki	36
4.4.6	Hubungan ciri-ciri personaliti dengan pelajar perempuan	37
4.4.7	Hubungan tahap pencapaian akademik dengan semua pelajar	38
4.4.8	Hubungan ciri-ciri personaliti dan tahap pencapaian akademik dengan semua pelajar	38
4.10	Rumusan	39
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	40
5.1	Pendahuluan	40
5.2	Perbincangan	40
5.3	Rumusan Keputusan Kajian	44
5.4	Cadangan	45
5.4	Kesimpulan	48

RUJUKAN

LAMPIRAN